



Skills For Life KBS perkasa belia dengan kemahiran tambahan

Oleh Samadi Ahmad - Januari 29, 2023 @ 8:41 am
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) menganjurkan program Skills For Life bagi memperkasa belia dengan kemahiran tambahan.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, berkata program itu akan diadakan pada hujung minggu sepanjang Februari dan Mac ini, menggunakan kaedah Do It Yourself.

Beliau berkata, program ini bertujuan memperkasa golongan belia dengan kemahiran tambahan.

"Program Skills For Life menawarkan latihan kemahiran asas kepada komuniti, khususnya belia B40, M40, belia berisiko dan belia minoriti serta belia yang sudah bekerja berusia 18 hingga 40 tahun.

"Program ini menawarkan 22 latihan kemahiran di ILKBS seluruh negara dengan yuran antara RM10 hingga RM30," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian program Skills For Life 2023, Kursus Kemahiran Pada Hujung Minggu, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli.

Hannah berkata, program ditawarkan antaranya, asas penyelenggaraan elektrik, asas pembaikan kenderaan dan penyaman udara, gunting rambut dan penyediaan masakan tradisional.

"Program menggunting rambut diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Terengganu, manakala solekan di IKBN Pertak adalah program perintis.

"Program latihan lain yang ditawarkan pada hujung minggu ialah seperti golf (sukan), jahitan (tekstil), masakan Melayu (hospatiliti) dan fotografi telefon pintar (multimedia)," katanya.

Beliau berkata, kementerian akan melihat bidang mana yang banyak menjadi pilihan belia, seterusnya akan menambah lebih banyak kursus dalam pelbagai bidang lain sekiranya program ini mendapat sambutan.

Katanya, KBS juga bercadang mengadakan kursus bahasa pada hujung minggu bagi golongan belia yang sudah bekerja untuk menambah kemahiran diri mereka.

Katanya, kemahiran bahasa seperti bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Mandarin yang bakal diperkenalkan ini dapat memberi nilai tambah kepada belia ketika menghadiri temu duga dan kenaikan pangkat.

"Menerusi kursus bahasa ini kementerian mungkin boleh membabitkan guru yang sudah berpencen dan mempunyai kemahiran luas dalam bidang masing-masing," katanya.

Bagi belia yang berhasrat mengikuti program itu boleh mendapatkan maklumat berkaitan melalui Facebook KBS.